


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 MAC 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24

Kadar inflasi global hakis kuasa pembeli



EKONOMI dunia diunjurkan menyederhana kepada 2.9 peratus pada 2023 dan bertambah baik kepada 3.1 peratus pada 2024.

EKONOMI DIJANGKA SEDERHANA

KADAR INFLASI GLOBAL HAKIS KUASA MEMBELI

Kuala Lumpur

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana tahun ini, berikutan pemulihan yang kuuh pada 2022 kerana ekonomi dunia masih bergelut untuk mengekalkan pertumbuhan dan trajektorinya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam kenyataan semalam, Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, perdagangan barang Malaysia di-

ramalkan terus berkembang pada 2023, walaupun pada kadar yang lebih perlahan.

Berdasarkan Tinjauan Ekonomi Kementerian Kewangan 2023, jumlah perdagangan, eksport dan import dijunurkan masing-masing meningkat 1.3 peratus, 2.2 peratus dan 0.2 peratus.

Unjurian ini adalah sejajar dengan anggaran Pertubuhan Perdagangan Du-

nia (WTO), yang menjangkakan perdagangan global berkembang perlahan iaitu 1.0 peratus pada 2023.

Berikutnya permintaan luaran yang lebih perlahan dan peningurangan kesan asas rendah, Sektor Pembuatan juga dijangka memasuki fasa segerhana pada 2023. Ketidaktentuan global yang berterusan juga dijangka mempengaruhi aktiviti

ekonomi dan sosial serta parasaran buruh," katanya.

Mohd Uzir berkata, Indeks Pelopor (IP) Malaysia menyusut 0.6 peratus, bersamaan 0.7 mata kepada 110.7 mata pada Disember 2022 berbanding 111.4 mata pada Disember 2021.

Melihat kepada senario ekonomi global, Jabatan Perangkaan berkata, inflasi yang berterusan di seluruh dunia telah mengakis kuasa beli dan pengguna mengambil sikap berhati-hati terhadap perbelanjaan, seterusnya memberi kesan ke-

pada prestasi ekonomi.

Berdasarkan Tinjauan Ekonomi Dunia terkini yang dikeluarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada Januari 2023, ekonomi dunia diunjurkan menyederhana kepada 2.9 peratus pada 2023 dan bertambah baik kepada 3.1 peratus pada 2024.

"Sementara itu, kebanyakan ekonomi menunjukkan prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih perlahan pada suku ketiga 2022 berbanding suku ketiga 2022," katanya.

“Perdagangan barang Malaysia diramalkan terus berkembang pada 2023”
Dr Mohd Uzir